

**Ultima Markets Extra 1%
Profit Campaign**

TERMA DAN SYARAT

Kempen "Ultima Markets Extra 1%" ("Kempen") ditawarkan oleh Ultima Markets Ltd (No. lesen Mauritius GB 23201593) (di "Syarikat" atau "Ultima Markets") kepada para pelanggan Syarikat.

Kempen "Ultima Markets Extra 1%" ("Kempen") ditawarkan oleh Ultima Markets Ltd (No. lesen Mauritius GB 23201593) (di "Syarikat" atau "Ultima Markets") kepada para pelanggan Syarikat.

Kempen ini sah bermula 1 Julai 2024 00:00 (GMT+3) ke 1 Julai 2025 23:59 (GMT+3).

TERMA DAN SYARAT KEMPEN:

1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan baru dan sedia ada Ultima Markets. Dengan menyertai kempen ini, pelanggan mengesahkan yang mereka telah baca dan setuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini dan terma dan syarat umum Ultima Markets.
2. Untuk menjadi pelanggan baru Ultima Markets, anda perlu mendaftar dengan Ultima Markets, sediakan segala maklumat berkaitan yang diminta sebagai proses "KYC" (Know Your Customer) dan membuka Akaun Live.
3. Kempen ini hanya untuk Akaun Live sahaja.
4. Kempen ini bermula pada 1 Julai 2024 00:00 (GMT+3) dan berakhir pada 1 Julai 2025 23:59 (GMT+3).
5. Untuk menyertai, pelanggan perlu opt-in melalui bahagian promosi yang tersedia di dalam portal pelanggan Ultima Markets dan melakukan deposit ke dalam Akaun Live mereka semasa tempoh Kempen.
6. Sebarang internal transfer antara akaun tidak dikira sebagai deposit untuk syarat menyertai kempen ini.
7. Semasa tempoh Kempen, order pelanggan yang ditutup dengan keuntungan akan diberi 1% tambahan daripada jumlah keuntungan, tolak komisen, dan segala bayaran lain (seperti. Swap fees). Contoh :
 - a. Pelanggan A membuka 1 lot USD/JPY dengan caj komisen US\$5. Beliau menutup order pada esok harinya dengan keuntungan US\$100, termasuk caj swap free \$0.20. Pelanggan A ini akan mendapat US\$0.95 $[(US\$100 - US\$5.20) \times 1\%]$ didalam akaun dagangannya pada sekitar jam 05:00 (GMT+3).
8. Semua order akan dikira berdasarkan jumlah keuntungan dan kerugian pada sekitar jam 05:00 (GMT+3) setiap hari.

9. Akaun pelanggan dengan yang didaftarkan ke PAMM dan MAM tidak dibenarkan untuk menyertai kempen ini.
10. Keuntungan tambahan yang diperolehi melalui kempen ini akan dikecualikan dari perkongsian keuntungan PAMM, MAM dan Social Trading.
11. Nilai minima untung dagangan yang layak mendapat ganjaran Kempen ini bernilai \$1.00 (atau bersamaan nilai pertukaran USD). Tidak ada nilai maksima dikenakan.
12. Seperti yang dinyatakan di perkara 11, nilai ganjaran Kempen ini tersedia bagi setiap jenis akaun matawang yang disenaraikan seperti berikut kecuali dinyatakan sebaliknya:

Jenis Akaun Matawang	Ganjaran Had Minima
Australia Dollar (AUD)	1
US Dollar (USD)	1
Euro (EUR)	1
New Zealand Dollar (NZD)	1
Singapore Dollar (SGD)	1
Canadian Dollar (CAD)	1
Hong Kong Dollar (HKD)	1
Japanese Yen (JPY)	Mengikut nilai perukaran semasa
US Cent (USC)	Mengikut nilai perukaran semasa

13. Ganjaran akan dikreditkan ke akaun dagangan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja selepas order ditutup dengan keuntungan.
14. Kempen akan mengambil kira posisi dagangan terbuka dan tertutup bagi SEMUA kumpulan produk ditawarkan oleh Ultima Markets melainkan dinyatakan sebaliknya.
15. Berkenaan kelayakan ganjaran, hanya order dagangan dengan selang masa 5 minit dan ke atas diantara buka dan tutup posisi di kira sah untuk pengiraan ganjaran Kempen.
16. Semua order terbuka mesti ditutup pada hari terakhir tempoh Kempen. Segala order yang masih terbuka selepas tempoh Kempen tamat tidak akan diambil kira di dalam pengiraan ganjaran Kempen.
17. Syarikat berhak untuk menentukan, atas budi bicara sendiri, samada sebahagian dagangan, amalan, strategi, atau situasi yang melanggar syarat Kempen yang mungkin akan menyebabkan pembatalan serta merta kelayakan pelanggan di dalam Kempen ganjaran ini tanpa sebarang notis.

18. Pelanggan dibenarkan untuk menyertai Kempen, Promosi dan/atau Tawaran yang lain bersama dengan Kempen ini seperti 50%+20% Deposit Bonus, 20%+10% Deposit Bonus dan promosi kredit dagangan yang lain.
19. Sekiranya berlaku kelewatan teknikal, order dagangan terbuka dan tertutup di Ultima Market App tidak akan termasuk di dalam pengiraan ganjaran Kempen kecuali Kempen ini dilancarkan secara rasmi di dalam App.

TERMA DAN SYARAT UMUM

Syarat- syarat berikut dikenakan untuk semua tawaran melainkan dinyatakan sebaliknya:

20. Kempen ini tidak boleh digunakan dengan Kempen, Promosi atau Tawaran yang lain yang ditawarkan oleh Ultima Markets melainkan dinyatakan dalam Terma dan Syarat Kempen.
21. Semua tawaran Ultima Markets hanya disediakan mengikut undang-undang yang berkenaan.
22. Tawaran Ultima Markets tidak direka untuk menukar atau mengubah pilihan risiko individu atau menggalakkan individu untuk berdagang secara tidak konsisten dengan strategi dagangan mereka.
23. Pelanggan harus memastikan pengurusan akaun dagangan mereka mematuhi tahap risiko sendiri.
24. Akaun Live baru adalah tertakluk kepada kelulusan berdasarkan prosedur pembukaan akaun Ultima Markets. Individu yang ingin membuka akaun harus memastikan pematuhan ke atas syarat dan undang-undang tempatan sebelum memohon akaun dengan Ultima Markets.
25. Pedagang PAMM/MAM dan Master tidak layak untuk menyertai Kempen ini.
26. Ultima Markets berhak menghalang pelanggan dari menebus kredit bonus daripada promosi jika deposit anda dibuat melalui saluran e-wallet/matawang kripto, termasuk USDT.
27. Pelanggan tidak dibenarkan menggunakan kredit bonus untuk melakukan hedging. Ultima Markets berhak membatalkan kelayakan pelanggan untuk menyertai sebarang tawaran kredit bonus, mengeluarkan sebahagian/semua kredit bonus daripada akaun dagangan, dan sebahagian/semua keuntungan daripada posisi hedging tanpa sebarang notis.

28. Ultima Markets berhak untuk menolak sebarang permohonan atau petunjuk untuk menyertai sebarang promosi atas budi bicara syarikat tanpa memberikan sebarang alasan atau penjelasan penolakan.
29. Ultima Markets berhak untuk mengecualikan dan/atau membatalkan penyertaan pelanggan di dalam tawaran atau promosi jika: a) Churning (buka dan tutup transaksi Margin FX atau CFD atas kemudahan memperolehi keuntungan); b) Pelanggan didapati melanggar Perjanjian Pelanggan atau terma dan syarat promosi. Sekiranya berlaku penyalahgunaan atau pelanggaran syarat, Ultima Markets berhak untuk menolak sebarang jumlah bonus daripada akaun dagangan.
30. Ultima Markets berhak pada bila-bila masa membuat sebarang pertukaran pada terma dan syarat dan akan memaklumkan pada anda setiap perubahan dengan memaparkan dalam laman Ultima Markets. Anda dinasihatkan untuk memeriksa Terma dengan kerap dan anda menerima setiap perubahan yang telah dilakukan. Ultima Markets berhak untuk mengubah atau membatalkan sebarang tawaran atas budi bicara kami pada bila-bila masa.
31. Ultima Markets berhak untuk menamatkan atau menghentikan sebarang Kempen, Promosi dan/atau Tawaran pada bila-bila masa, atas budi bicara sendiri.
32. Semua promosi Ultima Markets hanya dilaksanakan pada Standard STP, Swap free STP, Raw ECN, Swap Free ECN, Standard Cent dan ECN Cent melainkan sebaliknya
33. Ultima Markets tidak akan bertanggungjawab keatas segala kehilangan, kos, perbelanjaan, atau kerugian yang berkaitan dengan tawaran ini dan mungkin tidak termasuk dalam Terma.
34. Jika terma dan syarat ini diterjemahkan didalam bahasa lain selain Inggeris, versi Inggeris akan diutamakan jika ada perbezaan antara dua bahasa.
35. Pengeluar Kempen ini, Promosi dan/atau Tawaran ialah Ultima Markets Ltd (FSC Mauritius license No. GB 23201593).

TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN KEMPEN

36. Jika akaun anda ditutup atau digantung, Ultima Markets berhak untuk membatalkan ganjaran di dalam akaun anda, bersama dengan sebarang keuntungan yang diperolehi melalui Kempen ini.
37. Anda mesti berumur 18 tahun ke atas untuk mendaftar dan membuka akaun.
38. Ultima Markets berhak untuk mengubah atau menamatkan Kempen tanpa sebarang notis pada pemohon baru atau lama dan pampasan akan dibayar.

39. Jika Ultima Markets mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki anda telah menyalahgunakan atau cubaan salahguna Kempen ini untuk menjejaskan Ultima Markets, Ultima Markets mungkin menolak, batal, atau menarik balik Kempen, samada sementara atau terus menghentikan akaun anda dan akses kepada semua perkhidmatan yang ditawarkan oleh Ultima Markets. Ia juga boleh dikenakan jika anda melanggar Perjanjian Pelanggan.
40. Anda telah mengesahkan dan bersetuju untuk akaun ditetapkan dan diterima oleh Ultima Markets, Ultima Markets perlu menyemak butir peribadi berdasarkan undang-undang dan syarat anti-pengubahan wang haram dan menangani pembiayaan haram. Ultima Markets mungkin, atas budi bicaranya, menolak permohonan jika tidak mematuhi syarat kawal selia.